

Apa salah saya? -

MINGGUAN 13 FEB 2005

MINGGUAN: Baru-baru ini, nama Tun dikaitkan dengan kemelut kepimpinan Proton melibatkan Ketua Pegawai Eksekutifnya Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff, apa yang berlaku sebenarnya?

TUN DR. MAHATHIR: Yang saya hairan kenapa nama saya diheret dalam kontroversi ini. Saya dilantik sebagai penasihat kepada Proton, jadi saya berhak menasihati Proton. Soal saya kacau (pengurusan Proton) tak berbangkit, saya bukan duduk dalam lembaga pengarah. Saya jumpa dengan lembaga pengarah, di rumah ini kerana mereka tak puas hati tentang Tengku Mahaleel dan saya jumpa juga Tengku Mahaleel. Dalam sesuatu perkara, kita kena timbang kedua-dua pihak, saya beri peluang kepada lembaga pengarah untuk meyakinkan saya mengenai persoalan kenapa mereka tidak suka Tengku Mahaleel. Setelah saya dengar cerita kedua-dua pihak, saya buat pertimbangan kemudian tetapkan pendirian (kekalkan Tengku Mahaleel). Pendirian saya itu tak semestinya serupa dengan lembaga pengarah, itu sahaja. Saya tak sangka saya akan dituduh buat pening kepala kepada sesiapa pun (Perdana Menteri).

Jadi apa yang berlaku itu mengejutkan?

TUN DR. MAHATHIR: Saya terkejut dengan laporan media asing itu, tetapi itu perkara lama kerana media asing memang benci kepada saya walaupun saya telah bersara dan bukan lagi dalam kerajaan, tak jadi menteri kanan, tak jadi menteri mentor. Saya tinggal semua. Tapi nampak macam ada suatu usaha menjadikan saya sebagai sasaran, untuk memburukkan saya.

Ada perkara-perkara lain yang nampak seperti pandangan yang buruk terhadap diri saya, pun saya tak jawab. Umpamanya, saya dituduh menjalankan mega projek sehingga kerajaan jadi bankrap, tidak ada duit hendak buat benda lain

MUKADIMAH

TUN Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah melayan sebarang tuduhan atau cemuhan yang dilemparkan oleh media asing kepadanya sejak beliau bersara daripada parti dan kerajaan lebih setahun lalu.

Pada fikiran bekas Perdana Menteri, beliau tidak perlu bersusah payah mempertahankan diri kerana katanya: "Itu perkara lama; media asing memang benci kepada saya walaupun saya telah bersara dan bukan lagi dalam kerajaan."

Tetapi selepas media asing menuduhnya mencampuri pengurusan Proton Holdings Bhd. sehingga memeningkan kepala Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan kononnya mencetuskan peletakan jawatan Datuk Abu Hassan Kendut sebagai Pengerusi Proton; Dr. Mahathir merasakan beliau wajar membuat penjelasan mengenai statusnya yang sebenar selaku Penasihat Proton serta kedudukannya sebagai bekas pemimpin yang tidak mempunyai sebarang kepentingan atau keperluan untuk mencampuri urusan kerajaan.

Ketika mengenangkan tuduhan yang dilemparkan itu, beliau berkali-kali menyatakan rasa sedihnya dan ada kala Dr. Mahathir kelihatan sebak.

Bagi Dr. Mahathir, tugasnya hanyalah untuk menasihati Proton dan pandangan yang dikemukakannya bahawa Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff, wajar dikekalkan, adalah nasihat yang sah.

Untuk mendapat gambaran lebih jelas mengenai isu tersebut, wartawan *Mingguan Malaysia*, AZIZ ISHAK, MOWARDI MAHMUD, ASUKI ABAS, AMRAN AHMAD dan jurugambar, ZAKI AMIRUDDIN menemui Dr. Mahathir di kediamannya pada Rabu lalu.

Dalam temu ramah lebih sejam itu, Dr. Mahathir bukan setakat menerangkan mengenai isu berkenaan, malah turut memperkatakan mengenai rancangan masa depan dan kedudukan Proton serta kepentingannya kepada rakyat Malaysia dan orang Melayu.

Kepada Dr. Mahathir, Proton bukan setakat kereta; Proton adalah masa depan dan maruah negara.

Mahathir

sekarang ini dan macam-macam lagi sehingga projek-projek dibatalkan. Itu hak kerajaan nak batalkan, saya tidak kata apa-apa. Tapi nampaknya usaha hendak memburukkan nama saya berterusan. Satu demi satu dikeluarkan. Kadang-kadang tak sebut nama, tapi implikasi sama juga. Itu saya sedih. Jadi biarlah saya bersara. Jangan kacau saya, kalau tidak saya terpaksa mempertahankan diri saya.

Sebenarnya apakah perkara yang menimbulkan rasa tidak puas hati itu?

TUN DR. MAHATHIR: Tengku Mahaleel dikatakan tidak begitu hormat pada lembaga pengarah, cara bercakapnya kasar, tetapi dari segi prestasi pengurusannya, tiada tuduhan yang tepat. Selain itu terdapat juga cadangan mahu melaksanakan penstrukturan semula dan ahli lembaga pengarah mahu ditukarkan dengan orang lain tetapi saya tidak menyetujuinya kerana pada saya, dalam setiap lembaga pengarah mesti ada wakil pihak pengurusan.

Mungkinkah kerana Tengku Mahaleel dilihat sebagai orang kuat Tun?

TUN DR. MAHATHIR: Ya memang, saya percaya kepada beliau kerana beliau boleh melakukannya (meningkatkan prestasi Proton). Cuba tunjukkan kepada saya di mana dia gagal. Saya berpihak kerana kebolehan. Mungkin peribadinya tidak, tapi saya boleh tahan dengan ramai orang. Dulu, dalam Kabinet pun saya terima orang yang benci dan cuba menjatuhkan saya.

Adakah Tun melihat lembaga pengarah sekarang berkesan?

TUN DR. MAHATHIR: Saya tidak boleh buat penilaian, tetapi saya telah menimbang usaha penyingkiran Tengku Mahaleel dan mendapati tiada sebab untuk menyingkirkan beliau. Sama ada lembaga pengarah berkesan atau tidak, bukanlah saya untuk membuat penilaian.

Kalau diimbis kembali, kontroversi juga timbul ketika Tun mahu dilantik sebagai Penasihat Proton. Mungkinkah terdapat pihak tidak suka Tun terlibat dengan Proton?

TUN DR. MAHATHIR: Mungkin dia tak suka sebab tiada satu orang pun akan disukai oleh semua orang. Sebagai orang politik, saya sedar bahawa walau bagaimanapun saya buat baik pada orang, akan ada orang yang tidak puas hati tetapi saya hairan kenapa nama saya masih nak diheret dalam kontroversi begini, apa salah saya?

walaupun tak dapat membeli saham Proton kerana biasanya orang yang hendak mengadakan usaha sama mereka seboleh-bolehnya mahu memegang saham majoriti. Ini tidak berlaku dalam kerjasama antara Volkswagen dengan Proton. Saya pergi lihat kilang mereka yang mengeluarkan lebih 3,000 kereta sehari dan apa sebab mereka nak bergabung tenaga kalau betul Proton teruk prestasinya?

Proton juga boleh buat kilang baru dengan kos sekitar RM1.8 bilion tanpa meminta dari kerajaan atau hutang bank. Proton masih kaya dengan aset tunai. Kalau Proton ada banyak duit, tentulah kerana pengurusannya cekap. Yang lebih penting ialah keupayaan kejuruteraan kita meningkat. Jadi macam mana saya nak kata buang Tengku Mahaleel?

Tun mengatakan Proton telah berjaya tetapi benarkah kejayaan itu adalah hasil perlindungan kerajaan?

TUN DR. MAHATHIR: Saya sudah terangkan bahawa tidak banyak perlindungan diberikan. Perlindungan cukai yang konon diberikan itu sudah ada sebelum adanya Proton. Saya masih ingat ketika masih dalam Kabinet, kalau tidak salah, sayalah yang mencadangkan cukai yang tinggi dikenakan ke atas kereta yang mempunyai keupayaan enjin yang besar untuk mengurangkan penggunaan minyak yang naik harga ketika itu dan ia bukan khusus untuk melindungi Proton. Selain itu Proton pun kena bayar cukai, bayar duti eksais.

Pada masa yang sama, Proton juga kena bersaing dengan kereta import yang masuk dengan banyak dan saya diberitahu *landed price* (harga diisytihar) begitu murah sebanyak RM11,000 dan Proton tidak mampu buat kereta macam itu.

Terdapat pihak mendakwa penguasaan pasaran Proton kini menyusut.

TUN DR. MAHATHIR: Bukan salah Proton kalau penguasaan pasarannya turun kerana jumlah kereta di pasaran sekarang ini lebih banyak. Walaupun Proton jual banyak yang lama, peratusannya tetap turun. Janganlah kata dulu Proton menguasai 80 peratus dan sekarang 40 peratus sebab dahulu pasaran 80 peratus untuk jumlah jualan 200,000 buah kereta tapi sekarang jaluannya untuk 480,000. Jadi takkan semua tambahan datangnya dari Proton. Kemasukan kereta murah memberikan persaingan yang besar kepada Proton tetapi Proton masih mencatat untung.

“ Usaha hendak memburukkan nama saya nampak berterusan. Satu demi satu dikeluarkan. Kadang-kadang tak sebut nama tapi implikasi sama juga. Itu saya sedih. Jadi biarlah saya bersara. Jangan kacau saya, kalau tidak saya terpaksa mempertahankan diri saya ”

Kenapa pula?

TUN DR. MAHATHIR: Masa dalam Kabinet dulu, saya ada meminta menteri yang berkenaan supaya buat penyelidikan tentang harga *landed price* ini tetapi entah bagaimana tiada hasil. Disebabkan rasa ingin tahu, saya pernah meminta sebut harga ke atas komponennya sebab kalau komponen begitu murah, kita tempah untuk kereta kita, tapi itu pun tak dibuat.

Malaysia seolah-olah menjadi pusat lambakan kereta asing. Apa yang kerajaan boleh lakukan?

TUN DR. MAHATHIR: Saya rasa kerajaan kena buat penyelidikan secara betul dengan tidak ada agenda-agenda lain.

Berbalik kepada Proton, di sebalik kejayaannya, orang ramai masih tidak berpuas hati tentang kualiti keretanya seperti tingkap yang selalu rosak?

Kalau perkara yang sama berlaku kepada orang lain, tentunya mereka tidak tahan dan meletak jawatan.

TUN DR. MAHATHIR: Kalau saya ambil langkah yang sama, nampak sangatlah saya bersalah. Kalau saya buat salah, tunjukkan di mana salah saya. Apa yang saya buat sehingga merosakkan atau memeningkan kepala. Dalam hal Tengku Mahaleel, saya tidak setuju dia dibuang dan saya ada hak memberi pandangan.

Tidaklah pihak yang tidak puas hati itu sedar bahawa Tun adalah perintis industri automotif di Malaysia termasuk Proton dan mereka sepatutnya berasa bangga berkhidmat dengan Tun?

TUN DR. MAHATHIR: Saya percaya ramai yang berpendirian sebegini sejak saya beri idea untuk memulakan projek kereta nasional pada tahun 1982 tetapi ada juga sesetengah orang yang benci kepada idea untuk memiliki kereta nasional dan cuba menggagalkan rancangan itu. Saya tak faham kerana sebagai rakyat Malaysia kita patut berbangga tetapi ada yang berpendapat ia patut dijual atau patut dipecahkan satu per satu untuk dapatkan tunai. Soalan saya, apa sebabnya kita nak rosakkan suatu industri yang berjaya, tak ada satu negara lain di dunia ini mempunyai industri automotif yang Malaysia ada. Kita patut tepuk dada tetapi ada orang di negara ini yang sanggup berbohong dengan mengatakan bahawa Proton gagal, tak dapat pasaran dan kualiti tak bagus.

Tanpa Tengku Mahaleel, adakah Proton mempunyai barisan pengurusan pelapis?

TUN DR. MAHATHIR: Soal penerajunya (CEO) dari dalam atau luar tidak penting. Kita terima apa sahaja. Kita boleh tukar-menukar tetapi jangan tukar kerana perasaan marah, tetapi tukar untuk menambah kebaikan Proton.

Jadi, Tengku Mahaleel dikekalkan?

TUN DR. MAHATHIR: Saya cuma berpegang kepada kebenaran. Kalau Proton gagal, tunjukkan kepada saya apakah dia gagal dari segi teknologi, kewangan atau penerimaan oleh firma yang lain. Kenapa syarikat pengeluar kereta terbesar dunia seperti Volkswagen AG dari Jerman sanggup bekerjasama dengan Proton

Apakah mungkin terdapat pihak sengaja memburuk-burukkan Proton kerana mahu mengambil alihnya?

TUN DR. MAHATHIR: Kita tahu memang ada pihak yang cuba menguasai saham Proton termasuk asing. Kalau syarikat tidak baik, beli buat apa saham Proton tapi orang asing nampak begitu berminat dan kalau boleh nak dapat saham terbesar atau pegangan majoriti.

Proton dikatakan pelaburan strategik negara yang perlu dilindungi. Tetapi Temasek milik Singapura telah membeli lima peratus saham Proton. Adakah ini strategi Proton?

TUN DR. MAHATHIR: Kalau mereka beli saham Proton, tentulah kerana kepercayaan terhadap kebolehan Proton ataupun berharap kalau mereka menambah saham itu, satu hari nanti mereka dapat saham terbesar dan Proton menjadi milik mereka, bukan lagi milik kita. Jika itu berlaku, ia bermakna kita akan bekerja untuk orang asing dan tiada bezanya dengan kereta-kereta lain, yang mana kita cuma jadi tukang pasang dan mereka kawal syarikat. Saya tidak tahu niat mereka beli saham Proton tapi nampaknya mereka berminat. Masalahnya, kita tidak tahu banyak mana. Temasek beli lima peratus, dia kena isytiharkan. Kalau ada syarikat lain beli kurang daripada lima peratus, mereka tidak perlu isytihar. Kalau masing-masing sudah beli dua atau tiga peratus, tidak perlu isytihar, mungkin Proton bukan lagi milik kita, mana kita tahu?

Bagaimanakah cara untuk menangani cabaran yang dihadapi Proton termasuk masalah lambakan kereta murah?

TUN DR. MAHATHIR: Apa yang saya nak tahu macam mana ada negara yang boleh keluarkan kereta yang begitu murah dan *landed price* begitu rendah. Kalaulah ia benar, bera-pakah harga yang dijual kepada pelanggan? Dan berapa banyak untungnya. Jadi kalau struktur cukai ke atas kereta yang siap dipasang sepenuhnya (CBU) ialah 80 peratus, sebaliknya struktur cukai untuk korporat hanya 28 peratus, jadi apakah kalau bayar cukai atas keuntungan adalah lebih murah daripada membayar cukai untuk import CBU, saya kurang pasti perkara ini.

TUN DR. MAHATHIR: Proton telah mengadakan sebuah pusat yang akan mengambil semua aduan. Kalau ada sahaja aduan dan hubungi pusat itu, mereka akan ambil tindakan segera. Tapi kalau banyak sangat aduan, tentu ambil masa tetapi yang saya tahu pelaksanaan pusat sebegini belum pernah dibuat oleh firma automotif yang lain.

Apakah kaitan masalah ini dengan pembekal atau vendor Proton yang sebahagiannya dilaporkan gagal memenuhi piawaian Volkswagen?

TUN DR. MAHATHIR: Piawaian Volkswagen sangat tinggi. Bagi mereka, pembekal-pembekal ini masih tidak layak. Harapan kita ialah apabila kita bekerjasama dengan mereka, ia dapat meningkatkan kebolehan pembekal-pembekal kita. Sehubungan itu, kita perlu menggalakkan pembekal-pembekal dari Jerman untuk mengadakan usaha sama dengan pembekal kita. Pembekal tempatan kadang-kadang ada sedikit selesa kerana sudah mempunyai pasaran yang tetap dan pada tanggapan mereka Proton mesti beli daripada mereka. Ini puncanya kualiti produk kurang.

Apakah langkah yang diambil?

TUN DR. MAHATHIR: Pertamanya, kita mahu supaya mereka mempunyai persaingan, kalau ada satu syarikat sahaja mereka akan leka tapi bila ada dua firma bersaing, maka mereka akan tingkatkan produktiviti. Pada masa yang sama, kita akan cuba perkenalkan Proton kepada pembekal yang lebih cekap.

Proton telah membeli kepentingan dalam Lotus Plc. (Lotus). Pastinya rakyat Malaysia mengharapkan model-model keluaran Proton mempunyai kualiti setanding?

TUN DR. MAHATHIR: Kita kena sedar bahawa Lotus adalah firma pengeluar kereta sport. Syarikat itu tidak mahir menghasilkan kereta biasa tetapi memang ada input dari segi reka bentuk dan pekerja Proton pergi bekerja di sana dan kita kini sudah boleh buat enjin sendiri tanpa perlu membeli daripada Mitsubishi Motors Corp. lagi. Jadi, input Lotus dalam kereta kita sudah ada. Pada masa yang sama, kita juga mahu tingkatkan kebolehan orang kita, tanpa bergantung kepada Lotus, biarlah Lotus berdikari dan ambil kerja (kontrak) dari syarikat-syarikat lain.

mahal tetapi apakah mereka membuat kajian berhemat yang sepatutnya bagi menentukan harganya, jualannya dan teknologinya.

Saya sendiri pergi tengok Agusta. Ada satu lagi motosikal bernama Ducati yang dulunya milik Agusta. Kemudian sebuah syarikat pelaburan, bukan syarikat kejuruteraan, dari Amerika beli Ducati dengan harapan untuk meningkatkan nilai Ducati dan selepas itu menjualnya.

Malah mereka turut menawarkan syarikat itu kepada kita. Masa saya di Jepun mereka datang berjumpa saya buat tawaran. Dia kata Ducati cukup maju, kita tidak perlu buat apa-apa, hanya mengambil keuntungan. Tetapi niat kita bukan macam itu, sebaliknya kita mahu memperoleh keupayaan kejuruteraan. Jadi kita tak jadi ambil Ducati, kita ambil Agusta. Agusta di Eropah terkenal dengan model-model seperti Husqvarna dan lain-lain lagi. Motosikal Itali ini dikenali berkualiti, jadi jualannya laris di Eropah. Justeru itu, kita tidak hanya boleh menilai harga dengan jumlah aset yang dia ada tetapi juga mesti melihat kepada daya penarik lain seperti kualiti, aliran teknologi, penyelidikan dan pembangunan serta banyak lagi. Saya tidak tahu apa alasannya untuk mengatakan harganya mahal. Adakah mereka tahu apa asetnya, penembusan pasarannya, kualitinya, penyelidikannya, pembangunannya dan macam-macam lagi yang perlu diambil kira sebelum kita beli sesebuah syarikat. Ini bukan syarikat jual barang runcit. Ini syarikat kejuruteraan yang unik.

Pada pandangan Tun, bagaimanakah masa depan industri automotif di Malaysia?

TUN DR. MAHATHIR: Kita masih ada harapan kerana kebolehan dan kesetiaan rakyat. Orang tempatan beli kereta nasional kerana mereka sayang Proton dan walaupun orang kata keretanya semakin mahal, tetapi Proton tetap lebih murah daripada kereta asing.

Sebagai perintis industri berkenaan dan kini Penasihat Proton, apa perasaan Tun?

TUN DR. MAHATHIR: Buat masa ini, saya berasa puas hati dengan kebolehan kita kerana perkara yang dahulu kita tidak boleh buat, kini kita dah boleh buat. Kita dulu tidak pernah mimpi nak buat industri ini. Sekarang kereta, enjin, semua kita sudah boleh buat sendiri cuma jumlahnya saja yang tiada. Kalau tidak, semua kita boleh buat, seratus peratus termasuk transmisi. Sebenarnya, kita boleh dapat beli barang dari negara luar seperti China supaya kos turun tetapi orang kita nanti tiada pekerjaan pula. Kalau kita beli barang macam itu, semua pembekal kita kena tutup. Kita sebenarnya tersepit. Di satu pihak, kita kena tingkatkan kebolehan. Di pihak lain, kita kena dapat harga murah. Kalau hendak harga yang murah, okey, kita dapatkan semua alat ganti dari China. Sekarang ini banyak produk Malaysia seperti barangan elektrik direka bentuk di sini, tapi semua dibuat di China. Dia bawa sini untuk dipasang sahaja, jadi dapat murah. Kita boleh buat macam itu dengan kereta kita tetapi orang kita akan jadi bodohlah.

Sejauh mana pentingnya Proton kepada negara?

TUN DR. MAHATHIR: Pentingnya Proton ialah sebagai tempat untuk memperoleh keupayaan kejuruteraan. Sekarang kita telah melonjak jauh ke hadapan, kita boleh buat banyak projek kejuruteraan tempatan seperti loji penapis minyak dan sebagainya, semua kita boleh buat. Kalau sanggup bayar harga yang tinggi, Proton boleh buat semua tetapi kosnya tinggi. Keupayaan kejuruteraan kita meningkat jauh kerana Proton. Kita boleh buat motosikal Modenas, buat monorel, buat traktor.

Bukankah Proton sepatutnya menghasilkan lebih banyak model untuk bersaing?

TUN DR. MAHATHIR: Itu betul tetapi kita harus ingat bahawa Proton mengeluarkan lebih 200,000 buah kereta setahun dan firma automotif gergasi mengeluarkan jutaan kereta setahun. Kos untuk mengeluarkan sesebuah model adalah cukup tinggi. Antara RM500 juta hingga RM1 bilion untuk satu model merangkumi reka bentuk, enjin dan platform. Ia bukan mudah. Jadi, apabila hendak mengeluarkan model baru, mesti tahu tujuan dan bukan sahaja untuk perbanyakkan model. Kita mesti kaji pasaran dahulu. Lihat sahaja negara seperti Britain yang dahulunya mengeluarkan kereta dengan banyak kini satu pun tiada kerana pasaran begitu kompetitif. Jadi kita kena berhati-hati apabila membuat keputusan memperkenalkan model baru. Tahun ini, kita akan perkenal dua model baru sebagai ganti Satria dan Tiara. Biar pun terdapat negara-negara lain yang mengatakan mereka mengeluarkan kereta tetapi penyelidikan dan pembangunan tidak dibuat sendiri. Malah dibuat di negara asal syarikat-syarikat gergasi asing. Ini berbeza dengan Proton.

Model-model seperti Tiara dan Juara dikatakan gagal kerana ia bukan dibuat berdasarkan permintaan, tapi atas arahan Tun.

TUN DR. MAHATHIR: Yang saya hairan macam mana dia tahu saya hendakkan (model) itu? Takkan saya pergi ke Proton setiap hari suruh buat yang itu yang ini, tidak. Mereka membuat cadangan jadi mana yang saya setuju, saya bersetuju.

lah. Dulu pun bukan perlu dapatkan persetujuan daripada saya, sama ada dia hendak buat Juara atau nak buat kereta dengan pihak Perancis. Mereka minta tolong saya untuk memudahkan sikit urusan kerana pada masa itu saya Perdana Menteri, jadi orang asing pun hormatlah sikit. Tetapi, takkan saya buat keputusan kata yang ini senget sini, yang itu senget sana. Tidak ada, saya tidak buat macam itu. Kalau benda buruk berlaku, kata mereka – haaa, yang itu sebab Dr. Mahathir. Kalau benda baik berlaku tak sebut pula nama saya.

Apa perlunya kita mengeksport kereta Proton dalam jumlah yang kecil?

TUN DR. MAHATHIR: Jumlahnya memang kecil. Tapi, kita mengeksport supaya kita boleh menetapkan satu tanda aras atau *benchmark* tentang penilaian kebolehan kita oleh orang luar. Kalau tidak, kita akan ketinggalan.

Dalam keadaan sebegini, bagaimana pula kita hendak bersaing dalam era globalisasi?

TUN DR. MAHATHIR: Pada pendapat saya, sementara globalisasi itu adalah persaingan yang baik tetapi jika kita dipaksa bersaing sebelum kita bersedia, tentu kita gagal. Mereka yang suka propaganda tentang pentingnya ada persaingan tanpa kawalan, inilah cara yang terbaik yang bermoral tetapi kalau kamu suruh seorang yang kerdil bersaing dengan gergasi, siapa akan menang. Yang mahukan sangat persaingan tanpa kawalan ialah gergasi kerana mereka tahu mereka akan menang tetapi pada masa yang sama, pasaran mereka ditutup kerana faktor itu dan ini. Kita pula terikut-ikut dengan globalisasi ini. Ini tidak adil dan kalau tidak dapat langsung perlindungan dari kerajaan, kita mesti cari jalan lain untuk terus hidup seperti bekerjasama dengan syarikat lain dan sehingga hari ini, setakat boleh hidup pun sudah suatu kejayaan. Perlindungan kerajaan tidak begitu berkesan dalam membantu Proton kerana perlingkungannya kecil sangat dan jumlah pengeluaran kita juga rendah sedangkan kos tinggi selain bersaing dengan syarikat gergasi yang mengeluarkan kereta pada harga lebih rendah.

Jadi berapa lama lagi Proton memerlukan perlindungan daripada kerajaan?

TUN DR. MAHATHIR: Kita tidak tahu berapa lama tetapi pada hari ini, kita mampu bersaing berbanding 10 tahun dahulu. Tentu pada masa akan datang, kita mampu tingkatkan daya saing dan tidak perlu perlindungan lagi. Tetapi kita tidak perlu terbawa-bawa sangat dengan desakan pihak luar supaya jangan bagi perlindungan kepada industri kita. Kita bagi perlindungan kepada industri orang asing yang datang ke sini. Kita bagi dia bebas cukai, 10 tahun tak payah bayar cukai. Lepas itu pun dia tak bayar cukai juga sebab katanya dia tak untung. Macam mana entah dia buat, dia tak ada untung di sini jadi tak ada cukai pendapatan yang perlu dibayar.

Kenapa Proton perlu membeli syarikat pengeluar motosikal MV Augusta dari Itali yang dikatakan mahal harganya?

TUN DR. MAHATHIR: Mereka anggap

Bagaimana pula kepentingan Proton kepada pelaburan?

TUN DR. MAHATHIR: Kita selama ini banyak bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI). Tetapi sekarang kebanyakan FDI tidak datang ke sini, bukan kerana kita tak baik tetapi kerana lebih murah di China dan semua dana ke sana. Kalau pada masa ini kita tidak ada kebolehan kejuruteraan, habislah industri kita. Tetapi kerana kita ada keupayaan sendiri, pelaburan kita sekarang datang dari sumber tempatan. Kita ada modal dan keupayaan kejuruteraan. Sebab itu kita boleh buat jalan bawah tanah, buat monorel dan macam-macam lagi. Kadang-kadang ada orang buat kereta sport seperti TD. Ini semua kebolehan kejuruteraan.

Tetapi kenapa selepas 20 tahun, masih ramai yang tidak memahami Proton?

TUN DR. MAHATHIR: Mereka ada politik tersendiri. Orang asing kalau cakap fasal Malaysia, puji melambung sebab mereka tidak boleh buat dan saya dipanggil untuk ke China, Korea dan Jepun misalnya, untuk menceritakan bagaimana Malaysia boleh berjaya dan maju kerana dahulunya hanya bergantung kepada tanaman getah dan bijih timah selain mampu hidup aman berbilang kaum. Orang asing ini hairan dan kagum.

Apa kata kalau Proton gagal bersaing?

TUN DR. MAHATHIR: Kalaupun kita gagal bersaing kebolehan kejuruteraan kita masih ada. Kita faham macam mana membuat sesuatu. Macam-macam perkara lain kita boleh buat.

Apa nilai Proton kepada orang Melayu?

TUN DR. MAHATHIR: Saya pun orang Melayu juga. Jadi saya bangga kerana Proton berjaya. Sebabnya, masa saya kecil dahulu, sebagai orang Melayu pada masa itu, kita rasa hendak buat gores api pun rasa susah. Kalau kita buat pun, kita rasa satu batang pun sekurang-kurangnya sepuluh sen, begitu payah sekali pada pandangan kita hendak mengeluarkan sesuatu. Itu cuma gores api, tapi sekarang ini kita dapat buat kereta malah kapal terbang pun kita boleh buat. Kalau dulu kita rasa hendak buat gores api, kita kata buat apa? Beli sahajalah, tak payah susah-susah buat, kita akan jadi pengguna keluaran orang sampai bila-bila. Malah kita tidak mungkin ada duit hendak beli kerana itulah punca pendapatan kita. Kalau kita tutup Proton, berapa ramai yang awak rasa akan kehilangan kerja, termasuklah tanggungan mereka, tanggungan pembekal-pembekal dan tanggungan semua penjual? Kalau dikira betul-betul, ada lebih 300,000 orang yang terlibat mencari makan dengan Proton. Kalau kita tutup Proton, kita beli sahaja kereta asing, semua orang ini tidak ada kerja. Ramai jurutera yang Proton lahirkan bekerja di Perodua dan juga syarikat lain seperti Kumpulan Naza. Kita keluarkan banyak jurutera dan pereka bentuk yang dahulunya tidak pernah ada di negara ini. Jadi, sekarang majoriti adalah Melayu dan sangat berkebolehan.